



Sahabat Perpustakaan Tarikan Terbaharu PPANS

Perpustakaan merupakan tempat yang sering dikunjungi oleh golongan pelajar. Ini kerana mereka mahu mengulangkaji pelajaran dan membuat kerja-kerja yang diarahkan oleh cikgu di sekolah.

Namun dewasa ini, konsep perpustakaan telah dibuka dengan seluas-luasnya sesuai dengan perubahan semasa. Perpustakaan bukan sahaja tempat mengulangkaji pelajaran, tetapi lebih terbuka dengan menyediakan pelbagai kemudahan lain. Perkhidmatan perpustakaan tidak lagi menunggu pelanggan datang, tetapi telah 'turun padang' pergi kepada pelanggan terutama pelajar-pelajar sekolah.

Perkhidmatan perpustakaan juga telah membuka ruang kepada organisasi, syarikat korporat, agensi kerajaan dan individu untuk memberi sumbangan berbentuk peralatan, bahan bacaan, dana dan perkongsian kepakaran dalam kempen-kempen merakyatkan budaya membaca di seluruh Negeri Sembilan.

Kempen Sahabat Perpustakaan PPANS telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan pada 23 Ogos 2014 yang lalu. Dengan adanya konsep sebegini, masyarakat berpeluang memberi sumbangan kepada pembangunan dan pembinaan modal insan kelas pertama yang disarankan oleh kerajaan.


Kerajaan telah menyediakan kemudahan infrastruktur perpustakaan yang baik, kemudahan internet PERCUMA, bahan bacaan terkini dan pelbagai kemudahan lain. Jom! Kita makmurkan perpustakaan dan merakyatkan maklumat.

YB. Dato' Haji Mat Ali bin Hassan
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Merangkap Pengerusi
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus

DAFTARLAH SEBAGAI AHLI



TEMUI KAMI DI:



Find us on
Facebook

Perbadanan Perpustakaan
Awam, Negeri Sembilan




"BANGSA MEMBACA
1 MALAYSIA BERJAYA"

www.nslibrary.gov.my

Diterbitkan setiap bulan oleh :
Perbadanan Perpustakaan Awam,
Negeri Sembilan

BUKU TERKINI DI PPANS




Judul : The new royal family: Prince George, William and Kate, the next generation
Pengarang : Jobson, Robert
No. Panggilan : 941.0860922 JOB
Bahagian : Pinjaman (Dewasa)
Harga : 63.90
Penerbit : John Blake
M/S : 240ms



Judul : Melayu hilang di dunia
Pengarang : Khalid Salleh
No. Panggilan : KNS 305.89923 KHA
Bahagian : Pinjaman (Dewasa)
Penerbit : Rentak Positif Sdn. Bhd,
M/S : 313ms



Judul : Ibu, kuingin tahu...
Pengarang : Nur Khairunnisa Iskandar
No. Panggilan : J 297.57 NKI
Bahagian : Pinjaman (Kanak-kanak)
Harga : 26.00
Penerbit : Telaga Biru
M/S : 163ms.



Judul : Mr. Fussy or Mr. Cool?
Pengarang : Lieya Ieza
No. Panggilan : MF LIE
Bahagian : Pinjaman (Dewasa)
Harga : 24.00
Penerbit : Penulisan 2U
M/S : 642ms



Judul : Kesehatan di tempat kerja
Pengarang : Noor Hassim Ismail
No. Panggilan : 362.1969803 NHI
Bahagian : Pinjaman (Dewasa)
Harga : 30.00
Penerbit : Dewan Bahasa dan Pustaka,
M/S : 197ms



ULASAN BUKU

Tajuk : Hamka
Pengarang : Abdul Latip bin Talib
Format : Paperback
ISBN : 9789674113100
Jumlah M/s : 492
Penerbit : PTS Litera Utama Sdn. Bhd.

Sinopsis:

Hamka atau nama sebenarnya Abdul Malik bin Karim Amrullah lahir pada 16 Februari 1908 di Tanah Minangkabau, Sumatera Barat, meninggal dunia di Jakarta pada 24 July 1981 dikebumikan di TPU Tanah Kusir Jakarta. Beliau meninggalkan 10 orang anak, 7 lelaki dan 3 perempuan.

Nama Hamka bukan saja terkenal di Indonesia malah di Malaysia, Singapura, Brunei dan beberapa Negara Arab. Beliau diberi gelaran Buya, panggilan masyarakat Minangkabau yang bermaksud ayah atau seseorang yang dihormati. Buya Hamka terkenal sebagai seorang Sasterawan, pendakwah, ulama dan aktivis politik. Ikuti kisah hidupnya Hamka yang ditulis oleh Abdul Latip Talib dengan mendapatkan buku ini di Bahagian Dewasa Perpustakaan Negeri dan Cawangan PPANS.

GLOSARI ADAT

1. Adat naik

Pembayaran mas kahwin istiadat dan adat hantaran pengantin lelaki.

Perbilangannya:

Adat Naik, tanda turun.

2. Anak Tarik

Anak perempuan selalunya anak keturunan Cina yang diambil sebagai anak angkat yang belum lagi melalui proses adat berkadim.

3. Beli Laki (boli laki)

Adat bermadu. Isteri tua mendapat madunya dengan keris atau pisau terhunus. Sesampai di rumah madunya dia harus berdiri di muka tangga rumah. Dari muka tangga dia menjerit menuntut bayaran atau pampasan daripada madunya kerana mengahwini suaminya.

4. Bendul (Bondo)

Bahagian rumah, balak yang terletak di atas lantai.

SIDANG PENGARANG BULETIN

PENAUNG

Y.B. Dato' Haji Mat Ali bin Hassan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Merangkap Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus

PENASIHAT

Jamilah @ Chumila binti Haji Katis Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus

KETUA PENGARANG

Norasyikin binti Yusof Ketua Unit Perhubungan Awam, PPANS

SIDANG PENGARANG

Norhayati binti Ismail
 Siti Juhaida binti Husin
 Amar Affizi bin Aziz
 Ketua-Ketua Bahagian
 Ketua-Ketua Unit
 Ketua-Ketua Zon

PENYELARAS DAN PENGEDARAN

Salwati binti Mohd Salleh
 Unit Perhubungan Awam, PPANS

REKA BENTUK

Nine Over Ten Dot Biz

JURUFOTO

Unit Media PPANS

PENERBITAN

Unit Perhubungan Awam
 Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus
 Tel : 06-763 5989/06-762 1308
 Faks : 06-763 5944
 E-Mel : prppans2014@gmail.com
 Laman Sesawang: www.nslibrary.gov.my

Sidang Pengarang Buletin PPANS amat mengalu-alukan pandangan, cadangan dan komentar terhadap buletin ini. Pandangan dan cadangan dalam menambah baik buletin amat dihargai.

BERITA GRUP SAYANGI PERPUSTAKAAN



Grup Sayangi Perpustakaan meneruskan perjuangan 'turun padang' ke sekolah-sekolah. Sangat senang dengan suasana sekolah menyebabkan GSP menerima semua permohonan dari pihak sekolah untuk mengadakan program galakan membaca di sekolah-sekolah.

Kali ini GSP ke sekolah SK Serting Ulu, Jempol dan SK Pantai, Jelevu. Pelbagai aktiviti merangsang minat membaca dan membina semangat kerjasama antara pelajar telah dilaksanakan.

Adik-adik yang lain, nantikan kehadiran GSP di sekolah anda pula.



INFO TAHUKAH ANDA?

Kelinci Suka Hidup Sendiri

Kelinci merupakan haiwan yang menyerupai arnab. Biasanya haiwan ini mempunyai saiz besar dan telinganya lebih besar berbanding dengan arnab. Haiwan ini suka hidup bersendirian di kawasan berumput. Kelinci tidak menggali lubang, sebaliknya menggali parit cetek sebagai tempat perlindungan.

Kelinci berbaring diam apabila musuhnya seperti musang dan anjing datang. Kemudian kelinci memecut pantas dan melompat tinggi supaya dapat mengelak daripada di makan oleh musuhnya. Kebanyakan haiwan ini mudah didapati di padang rumput dan separa gurun di Asia, Afrika, dan Amerika Utara. Biasanya haiwan ini tinggal di kawasan sejuk, bulunya berubah menjadi putih.



CUTI SEKOLAH @ PERPUSTAKAAN

Cuti persekolahan yang bermula pada 15 hingga 19 September 2014 memberi peluang kepada perpustakaan mengadakan pelbagai aktiviti menarik. Tahniah kepada adik-adik & ibu bapa yang telah memanfaatkan masa di perpustakaan.



18 September 2014 - Perpustakaan Negeri
Seni Kraftangan Mudah



18 September 2014 - Perpustakaan Desa Kuala Serdang
Bina Perkataan Jawi



20 September 2014 - Perpustakaan Negeri
Aktiviti Kolaj Kanak-kanak



25 September 2014 - Perpustakaan Desa Air Kuning Selatan

HEBAT MEMBACA, BAGUS SELESAIKAN JEJAK MAKLUMAT

Seremban – Seramai 46 orang pelajar NILAM dari seluruh Negeri Sembilan yang terlibat dalam pemilihan dan penilaian NILAM 2014 telah hadir ke Perpustakaan Negeri, Seremban. Mereka telah terlibat dalam program Jejak Maklumat dan berjaya menyelesaikan semua permainan yang disediakan.

Mereka telah dibahagikan kepada 6 kumpulan dan semua peserta telah memberikan kerjasama dan penglibatan yang bersungguh-sungguh. Syabas kepada adik-adik kerana banyak membaca buku dan menjadi contoh pada kawan-kawan yang lain.



BENGKEL ISO 9001:2008 "DEVELOPMENT OF 6 MANDATORY PROCEDURES"

Bengkel Pembangunan 6 Prosedur Wajib bagi ISO 9001:2008 di Hotel Klana Resort, Port Dickson telah diadakan pada 24 hingga 25 September dan seramai 26 kakitangan PPANS telah terlibat. Antara objektif pelaksanaan bengkel tersebut adalah sebagai inisiatif kepada peserta untuk menimba ilmu dan meningkatkan pemahaman terhadap sistem pengurusan kualiti di PPANS serta merupakan persiapan Jabatan dalam mengadakan Audit Dalaman ISO. En. Johari Jaafar sebagai konsultan yang dilantik oleh pihak NIOSH Certification telah memberikan kerjasama yang baik dalam mengendalikan bengkel tersebut. Sepanjang sesi perbincangan kumpulan, En. Johari sentiasa membantu untuk memberikan penerangan yang lebih jelas kepada peserta.



Sijil kepada para peserta telah disampaikan oleh Y.Bhg. Puan Asiah Nasution Suhaimi, Pengurus Bahagian Pensijilan, NIOSH Certification. Semoga segala ilmu yang diperolehi dalam bengkel dapat dimanfaatkan dalam pelaksanaan ISO 9001:2008 di PPANS.



TEMUI ADIWIRA HOLLYWOOD DI PPANS

Seremban – Pada 5 & 6 September 2014, PPANS telah mengadakan pameran Adiwira Hollywood di Zon Kanak-Kanak. Pameran selama 2 hari adalah sebagai permulaan kepada siri jelajah adiwira menemui peminat-peminat cilik. Ramai ibu bapa telah membawa anak-anak menemui 'Iron man' yang menunggu pengunjung hadir ke perpustakaan.



TIMBA ILMU DI PESTA BUKU MELAKA

Melaka – Jauh berjalan luas pengalaman, itulah pesanan orang-orang tua zaman dahulu. Oleh itu, Puan Jamilah @ Chumila Haji Katis, Pengarah PPANS telah membawa seramai 10 orang pegawai dan kakitangan ke Pesta Buku Melaka yang telah diadakan pada 26 September 2014. Syabas dan tahniah kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka.



BELASUNGKAWA YTM UNDANG LUAK JELEBU



PPANS Merafak sembah takziah atas kemangkatan Ke Bawah Kaus Yang Teramat Mulia Dato' Mendika Akhirul Zaman Dato' Hj. Musa Bin Wahab, Undang Luak Jelebu, pada 11 September 2014. Semoga Allah S.W.T merahmati roh Almarhum. Al Fatihah.

PELANCARAN SAHABAT PERPUSTAKAAN DI GEMAS MERIAH

GEMAS – Kempen Merakyatkan Budaya Membaca Perpustakaan Awam Gemas dan Pelancaran Sahabat Perpustakaan Daerah Gemas telah disempurnakan oleh YB Tuan Abd Razak bin Ab. Said, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan merangkap ADUN Kawasan Gemas pada 2 September 2014.

Sungguhpun, majlis disertai dengan hujan yang lebat, namun semua Ketua dan Wakil Ketua Jabatan, kanak-kanak, pelajar sekolah, guru-guru dan ibu bapa masih memberikan sepenuh tumpuan kepada majlis perasmian. Semangat inilah yang terus memberi kekuatan pihak Perpustakaan meneruskan usaha melaksanakan Kempen Membaca setiap tahun di semua daerah.

Terima kasih kepada YB, Pegawai Daerah Tampin & Gemas, Sahabat Perpustakaan yang diraikan, Encik Manimaran a/l Suppiah, Persatuan Pencinta Seni Gemas yang turut memberi sumbangan hadiah kepada penyumbang buku kepada perpustakaan dan semua yang terlibat.



PELANCARAN SAHABAT PERPUSTAKAAN DI PORT DICKSON

PORT DICKSON – Perpustakaan Desa Pasir Panjang dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Cawangan Port Dickson telah menganjurkan Program Sahabat Perpustakaan dan Sambutan Merdeka 2014 pada 10 September 2014. Majlis telah dirasmikan oleh Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Mohd Redza.

Antara aktiviti yang diadakan adalah Pertandingan Kolaj tampalan Jalur Gemilang, Pertandingan Teka Biji Betik, Teka Muka Surat Buku dan Bengkel Kreatif Sirih Junjung. Selain itu juga, diadakan pameran daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Kesihatan Port Dickson dan Jabatan Bomba & Penyelamat Telok Kemang. Objektif program adalah untuk menyedarkan tentang kepentingan menghidupkan bulan Kemerdekaan, meningkatkan amalan membaca dan mengeratkan hubungan silaturrahim antara pemimpin dan masyarakat.

KANAK-KANAK MERIAHKAN KEMPEN MEMBACA JELEBU

Kempen Membaca Peringkat Daerah Jelebu telah berlansung pada 09 September 2014 bertempat di Dewan D'SURY Kuala Klawang. Pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya Pertandingan Mewarna Kanak-kanak Tabika, pertandingan pakaian beragam kanak-kanak tabika, penyampaian hadiah kepada pembaca terbanyak 2014, cabutan bertuah dan juga ceramah agama yang disampaikan oleh Ustaz Dr. Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim (Personaliti TV9). Majlis telah disempurnakan oleh Y.Bhg Tuan Haji Mohamed Roduan bin Ujang, Pegawai Daerah Jelebu. Turut hadir ialah Encik Hamdan bin Haji Nordin, Penolong Pengarah Bahagian Pelanggan PPANS.

